

Bil. S 47

**AKTA KASTAM  
(PENGGAL 36)**

**PERATURAN-PERATURAN KASTAM (PINDAAN), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 133 dari Akta Kastam, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kastam (Pindaan), 2001.

**Penggantian peraturan 4.**

2. Peraturan 4 dari Peraturan-Peraturan Kastam, dalam Peraturan-Peraturan ini dipanggil Peraturan-Peraturan utama, adalah dipotong dan digantikan dengan yang berikut —

"Pelabuhan kastam, tempat import dan eksport dan tempat pendaratan yang sah.

4. Tempat-tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama adalah pelabuhan kastam, tempat import dan eksport dan tempat pendaratan yang sah.".

**Penggantian Jadual Pertama.**

3. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipotong dan digantikan dengan yang berikut —

**"JADUAL PERTAMA**  
**(peraturan 4)**

Pelabuhan Kastam, tempat import dan eksport dan tempat pendaratan yang sah –

Bandar Seri Begawan	Dermaga Bandar Seri Begawan; Ibu Pejabat Kastam dan Eksais Diraja; Jeti Sungai Lampai; Kawalan Kastam Kuala Lurah; Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas; Pusat Pemerosesan Mel, Lapangan Terbang Lama.
Kuala Belait	Dermaga Kuala Belait; Dermaga Brunei Shell Petroleum Co. Ltd; Kawalan Kastam Sungai Tujuh; Pejabat Pos Kuala Belait.
Muara	Depot Brunei Shell; Feri Terminal Serasa; Pejabat Pos Muara; Pelabuhan Muara.
Seria/Lumut	Aerodrom Anduki; Brunei Shell Petroleum Co. Ltd Single Buoy Mooring; Terminal Brunei Liquefied Natural Gas; Pejabat Pos Seria.
Temburong	Dermaga Bangar; Kawalan Kastam Labu; Kawalan Kastam Puni; Pejabat Pos Bangar.
Tutong	Pejabat Pos Tutong.".

Diperbuat pada 23 haribulan Muharam, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan  
17 haribulan April, 2001.

**PENGIRAN DATO PADUKA MAIDIN BIN PENGIRAN HAJI HASHIM**  
**Setiausaha Tetap**  
**Kementerian Kewangan**